

# Rakyat miskin Sabah diseru bela nasib sendiri

**NABAWAN (Sabah),** Ahad — Rakyat di Sabah, khususnya yang miskin, mesti bersedia sekarang untuk membela nasib mereka dan tidak membiarkan peluang-peluang direbut oleh orang asing.

Ini ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, semasa merasmikan tami besar di sebuah kampung Murut di pedalaman Sabah petang ini dalam perjalanannya ke Labuan.

Katanya, sejak mencapai kemerdekaan, Sabah terpaksa mengambil orang Filipina dan Indonesia bekerja di sini.

Mereka itu sanggup meninggalkan tanahair kerana menyedari mereka boleh hidup lebih baik di sini, katanya.

"Kerajaan Sabah sedang bersungguh-sungguh cuba meningkatkan taraf rakyatnya dan jika mereka menyambut baik, tidak ada sebab mereka akan terus miskin," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pen-

uduk luar bandar mesti sanggup mengubah sikap dan berpindah dari tempat tinggal mereka sekarang.

Datuk Seri Dr. Mahathir mahukan rakyat desa menghentikan amalan tanaman pindah, sebaliknya melibatkan diri dalam rancangan pertanian.

Semasa di Nabawan juga beliau melawat kilang rotan, ladang teh di Nelipat, ladang ternakan, pusat dakwah dan ladang lada hitam. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia